



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruang Pengeloa Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Sukar lupa bekas kekasih

Gadis sudah temoda hadapi masalah pilih dua jejak untuk dijadikan suami

SOALAN

SAYA bakal bertunang penghujung tahun ini dengan bekas kekasih hati pilihan keluarga. Dia ter-lalu baik untuk saya dan tahu sejarah hidup saya lalu sudah tidak sudi lagi. Namun, dia masih sudi memperisterikan saya. Masalah saya sekarang Dr, dalam masa yang sama, masih tidak dapat lupakan bekas kekasih. Saya pernah tertetas di fikiran untuk lari kepada bekas kekasih lama.

Namun, keluarga saya tidak merestui hubungan kami kerana dia panas-beran dan pernah memukul saya, tapi saya masih sayangnya. Bantulah saya Dr untuk membuat keputusan. Saya buntu.

ADILLA
Selangor

JAWAPAN

ADILLA adalah wanita yang menghadapi kesulitan kerana berada di antara dua lelaki yang perlu dipilih untuk menjadi teman hidup. Seorang adalah lelaki yang adik tidak dapat lupakan dan seorang lagi yang menanti adik.

Dalam adik membuat pilihan, adik perlu bijak membuat keputusan. Ada pandangan mengatakan wanita dikatakan sangat berlebihan dalam mencintai dan membenci, dan tidak mengenal pertengahannya.

Dikatakan juga kebijaksanaan wanita terletak di dalam hatinya. Sama ada benar atau tidak pandangan ini, wanita yang akan menantiku.

Pilihan di tangan adik. Dr tidak boleh membuat keputusan bagi pihak adik. Apa yang boleh Dr lakukan ialah melihat baik buruknya sesuatu pilihan.

itu. Selepas itu, adik sendiri perlu membuat keputusan siapakah lelaki yang akan menjadi pasangan kehidupan di alam berumah tangga.

Perkawinan dalam Islam selaras dengan fitrah manusia iaitu ingin hidup berpasangan dan memiliki keluarga. Islam menggariskan agar keinginan tersebut dilaksanakan berdasarkan undang-undang dan syariat yang menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Hikmah perkahwinan adalah untuk melahirkan zuriat yang bersih, memulak perasaan kasih sayang antara suami isteri, menghidupkan perbuatan ihsan, melahirkan perasaan tanggungjawab dalam melaksanakan amanah Allah dan memenuhi tuntutan rohani dan jasmani yang menjadi fitrah manusia melalui jalan halal.

Dalam membuat pilihan

antara dua lelaki, beberapa faktor perlu difikirkan. Faktor seperti ini-ini bertanggungjawab seorang suami, persetujuan keluarga, kasih sayang atau cinta perlu diambil kira.

Sering kali dalam membuat keputusan, adik tidak akan dapat semua faktor yang diinginkan tapi terpaksa menerima yang manakah dapat memenuhi hampir kesemua faktor itu.

Cuba adik lihat ini-ini lelaki yang manakah adik rasakan dapat membahagiakan sesebuah rumah tangga. Ciri lelaki pertama ialah sifatnya yang penuh kasih sayang terhadap diri adik. Kedua ialah pemah-pahaman yang adik walaupun mengetahui adik tidak sudi lagi.

Ciri lelaki kedua ialah lelaki yang mempunyai sifat pemarah. Ini dibuktikan dengan tingkah lakunya yang pernah memukul adik. Bagaimanapun, adik sangat menyay-

angnya hingga tidak dapat melupakannya.

Faktor keluarga juga perlu diambil kira untuk adik membuat pilihan. Ini kerana perkahwinan yang tidak dimesti keluarga sering kali berhadapan jalan sukar.

Sebagai ibu bapa, tentu sekali mereka inginkan bakal suami anak mereka seorang yang bertingkah laku baik. Apa yang dilakukan semasa-masa kerana mereka sangat sayangkan adik.

Perasaan cinta juga amat penting dalam membina kebahagiaan rumah tangga. Oleh itu, penting agar adik dapat meminati persembahan adik dengan perasaan cinta. Apapun, cinta mesti diikuti dengan perasaan bertanggungjawab.

Cinta adalah satu perasaan yang indah. Ia boleh dipupuk, dibayar dengan kata-kata indah dan juga tingkah laku menyenangkan seperti sifat

bertanggungjawab, mengambil berat, tidak mementingkan diri dan menghormati diri adik.

Nampaknya, antara dua lelaki dalam kehidupan adik, bakal tunang adik memiliki ciri-ciri lelaki yang lebih layak untuk adik pilih dalam membina kebahagiaan di alam. Namun, pilihan adalah di tangan adik.

Siapa sah yang adik pilih, adik mesti bersedia untuk menerima kesan dan akibat daripada pilihan adik itu.

Dalam membuat pilihan itu, penting bagi diri adik, membina rumah tangga yang disukai keluarga, diri-ini bertanggungjawab dalam diri seorang suami dan faktor cinta.

Akhir sekali, manusia perlu menerima kesan dan gadai yang ditentukan Allah swt termasuk soal jodoh tetapi manusia diminta berusaha untuk mendapatkan apa yang diinginkan.

Bersukan, puasa sunat elak keinginan onani

SOALAN

SAYA berusia 13 tahun. Masalah saya ialah saya ter-lalu ketagih melakukan onani. Untuk pengetahuan Dr hampir setiap hari saya akan melakukannya. Saya cuba untuk berhenti tetapi tidak boleh. Apakah yang harus saya lakukan. Saya sudah cuba bermacam-macam cara untuk berhenti tetapi tidak boleh.

KAMAL
Kedah.

JAWAPAN

ADIK, terima kasih Dr ucapkan atas kesudian menceritakan masalah. Adik ingin berubah untuk tidak melakukan onani dengan kerap. Dengan usia adik yang

muda, tentunya melakukan onani dengan begitu kerap akan memberi kesan.

Dr nasihatkan adik berjumpa pakar perubatan untuk mengetahui apakah kesan-kesan melakukan onani dengan begitu kerap. Adik juga boleh meminta nasihat bagaimana untuk mengurangkan ketagihan melakukan onani adik itu.

Dr minta maaf kerana tidak dapat menasihatkan adik mengenai kesan kerap melakukan onani dari sudut kesihatan kerana Dr bukanlah dari bidang perubatan.

Dari sudut psikologi, sesuatu yang menyeronokkan akan lebih banyak diulangi dan sukar untuk dihentikan, kecuali berlaku sesuatu perkara yang memudaratkan.

Bagaimanapun, jika ia membahayakan dari sudut

kesihatan dan tiada cara merawatnya, adik perlu mengurangkan amalan onani, terutama secara kasar.

Banyak cara yang boleh adik gunakan untuk mengurangkan ketagihan onani, antaranya kaedah terapi aversi.

Terapi ini adalah satu bentuk mengubah tingkah laku yang menggunakan rangsangan yang menyakitkan dalam usaha membantu pesakit mengurangkan tingkah laku yang tidak dikehendaki. Contohnya, apabila keinginan adik melakukan onani timbul, adik lakukan sesuatu yang menyakitkan supaya minat beronani akan hilang.

Untuk mengelak memikirkan keinginan beronani, adik boleh melakukan kerja-kerja seperti bersukan dan berpuasa sunat.



RIADAH..bersukan elak gejala negatif.